



MEMO

Kepada : YBhg. Dato' Abdul Latif bin Haji Abu Seman
Ketua Pengarah MPC

Daripada : Ummu 'Ammarah Basyirah Hashim
Penolong Pengurus OED

Tarikh : 20 Oktober 2020

PERKARA : MEMOHON KELULUSAN MENYEDIAKAN PERMOHONAN PEROLEHAN (RO)
SELEPAS 15 OKTOBER 2020 BAGI PERKHIDMATAN MEREKABENTUK
LAYOUT & INFOGRAFIK PROJEK SHOWCASING MALAYSIA'S TOURISM
HEROES VOL II (EBOOK)

YBhg. Dato',

Untuk makluman Dato', projek eBook bertajuk Showcasing Malaysia's Tourism Heroes Vol II ini mengandungi 12 e-artikel amalan terbaik untuk 12 pemain industri dari sektor pelancongan dijangka siap pada 30 Oktober 2020. Projek ini telah mendapatkan kelulusan Pengurusan MPC pada 28 Februari 2020, Bil 290/2020. Kos untuk projek ini adalah menggunakan peruntukan pembangunan TPN yang bernilai RM160,000.00.

2. Peralihan Unit MyBPRC dari Jabatan MSF ke Jabatan OED menyebabkan pengurusan projek ini tidak teratur. Ini berlaku apabila :

- Pertukaran *process owner* yang menguruskan projek ini
- Projek baharu perlu dilaksanakan serentak di Jabatan OED
- MPC perlu menghubungi pembekal terlebih dahulu untuk mengetahui status terkini projek dan ini telah meningkatkan kecenderungan untuk pengurusan projek yang kurang cekap
- Pembekal yang dilantik lambat melaksanakan perubahan yang telah dicadangkan kerana turut terlibat dengan projek MPC yang lain

3. Berdasarkan kepada faktor-faktor di atas, berlaku kekeliruan dan akhirnya menyebabkan penyediaan RO untuk membayar perkhidmatan bagi projek ini tidak disediakan pada 15 Oktober 2020. Namun demikian, dokumen sokongan seperti Surat Pelantikan Pembekal dan Sebutharga Perkhidmatan telahpun dibuat sekitar Jun 2020 yang sekaligus memenuhi Prosedur Perolehan MPC.

4. Oleh yang demikian, saya memohon pertimbangan dari YBhg. Dato' untuk membenarkan saya menyediakan RO untuk projek ini selepas dari 15 Oktober 2020 dan seterusnya menghantar dokumen ini kepada Unit PCT bagi tujuan pembayaran kepada pembekal.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh,

Ummu 'Ammarah Basyirah
Penolong Pengurus
PAT/OED

Disokong oleh,

Nur Hanim Abd Ghani
Pengurus Kanan
PAT/OED

KEPUTUSAN :

Diluluskan / Tidak Diluluskan

(Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman)
Ketua Pengarah MPC

Tarikh: 20/10/2020

FAR/CSV/Memo/20/45